



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

27 JUN 2018 / RABU

SIDANG MEDIA KHAS YB RINA MOHD HARUN, MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

PUTRAJAYA - YB Rina Mohd Harun, Menteri Pembangunan Luar Bandar dalam satu kenyataan media hari ini menjelaskan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi golongan sasaran yang merangkumi pembangunan kanak-kanak, pembangunan industri kecil dan produktiviti luar bandar, harga getah dan kajian semula insentif keusahawanan luar bandar.

Inisiatif-inisiatif ini akan dimulakan dengan penubuhan sekretariat khusus yang bertanggungjawab merangka pelan tindakan berkaitan setiap inisiatif seperti berikut:

1. Sekretariat Pembangunan Kanak-Kanak

Ini merupakan lanjutan daripada pengumuman oleh YAB Datin Seri Dr. Wan Azizah binti Wan Ismail, Timbalan Perdana Menteri Malaysia dalam sidang media yang telah diadakan di Putrajaya baru-baru ini mengenai satu rangka kerja yang akan dibangunkan dalam jangka masa terdekat.

Justeru, Kementerian komited dan akan bekerjasama dengan pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam menangani isu-isu seperti keselamatan kanak-kanak, pemerdagangan manusia yang melibatkan kanak-kanak luar bandar, pembangunan

kemudahan dan rawatan bagi kanak-kanak kelainan upaya, tumbesaran kanak-kanak serta pemakanan sihat untuk kanak-kanak.

2. Sekretariat Pembangunan industri kecil dan produktiviti luar bandar

Kementerian bercadang untuk menganjurkan pameran dan persidangan bertaraf antarabangsa berkenaan Mesin dan Automasi bagi Industri Kecil dan Sederhana dan Sektor Luar Bandar. Kita menjangkakan bahawa cabaran utama dalam industri kecil dan sederhana adalah dari sudut PRODUKTIVITI yang selalunya merencatkan tahap daya saing produk SMI di pasaran antarabangsa.

Maka dengan itu, usaha perlu dilakukan bagi mengatasi masalah ini. Melalui pameran yang diadakan, Industri Kecil dan Sederhana akan didedahkan dengan kemajuan teknologi yang mampu meningkatkan produktiviti produk mereka. Kementerian tidak akan membiarkan industri ini bergantung kepada pendekatan tradisional semata-mata. Dengan adanya persaingan pasaran yang sengit di peringkat global, kita tidak mampu bertahan sekiranya tiada perubahan dilakukan.

3. Sekretariat Mekanisme Penetapan Harga Getah

Kejatuhan harga getah merupakan faktor utama yang memberi kesan kepada industri getah dan memberi impak kepada pekebun kecil getah. Justeru, Kementerian merancang untuk membuat satu kajian komprehensif dalam menangani isu tersebut. Kementerian akan membuat tinjauan dan lawatan kerja ke ladang-ladang getah serta mengadakan perjumpaan dengan peladang-peladang melalui agensi di bawah KPLB iaitu RISDA. Kita juga akan bekerjasama dengan pakar-pakar dalam bidang ini, bagi menghasilkan cadangan mekanisme yang sesuai untuk mengatasi isu kejatuhan harga getah.

4. Sekretariat Kajian Semula Insentif Keusahawanan Luar Bandar

KPLB akan memastikan insentif-insentif keusahawanan luar bandar yang dikelolakan di bawah kementerian dan agensi diterima oleh golongan sasaran. Usahawan-usahawan luar bandar akan sentiasa diberikan maklumat secukupnya agar mereka tidak ketinggalan dalam mendapatkan informasi mengenai insentif-insentif yang ditawarkan.

Dalam masa yang sama, kita mahukan supaya mereka yang menerima insentif-insentif ini menunjukkan perkembangan dan peningkatan positif dalam perniagaan mereka. Kita yakin dengan usaha yang berterusan akan dapat melahirkan lebih ramai usahawan baru khususnya golongan muda untuk menceburi bidang keusahawanan. Sekretariat ini akan mengkaji semula segala aspek berkaitan syarat dan kelayakan sedia ada agar semua insentif menepati dan mencapai matlamatnya.

-TAMAT-

***Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5940, Faks: 03-8888 2367
Emel: ukk@rurallink.gov.my***